

21/07/2000

Rakyat perlu jaga imej negara

MENTERI Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, tanggungjawab menjaga imej negara termasuk nama baik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Perdana Menteri, menjadi tugas dan tanggungjawab setiap rakyat, termasuk anggota parti pembangkang.

Syed Hamid berkata, kementeriannya serta agensi kerajaan lain sentiasa memastikan rakyat mendapat maklumat benar mengenai negara ini bagi mengelak terkeliru akibat dakyah kuasa asing.

Menjawab soalan Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah), Syed Hamid berkata, juga pihak pembangkang perlu teliti apabila membuat kenyataan di luar negara supaya tidak memutarbelitkan fakta dan mencemar nama baik negara.

"Bagi pihak kementerian, usaha menjaga imej negara dilakukan secara bersepadu serta menyeluruh," katanya sambil menambah, kerajaan memperuntukkan RM1.4 juta digunakan bagi Program Penerangan Luar Negeri tahun lalu.

Syed Hamid juga menegur Mohamad Sabu supaya memastikan faktanya betul apabila beliau mendakwa kerajaan Barisan Nasional (BN) enggan membayar royalti minyak kepada Terengganu.

(END)